

MANUAL PENGGUNA SISTEM PENGURUSAN ADUAN (SISPAA) APN ORANG AWAM/ KAKITANGAN APN

DAFTAR DAN SEMAK ADUAN/ MAKLUM BALAS



Nota: Paparan SISPAA APN – Klik butang Aduan dan Maklum Balas (seperti ditunjukkan dalam gambar di atas)

A) DAFTAR AKAUN SISPAA APN



1. Klik “Daftar Baharu”

Pengadu disarankan untuk mendaftar akaun baharu sekiranya ini adalah kali pertama membuat aduan. Pendaftaran akaun akan memudahkan pemantauan aduan serta membolehkan pengadu melihat senarai semua aduan yang telah dihantar (jika lebih daripada satu) melalui papan pemuka (dashboard) masing-masing.

2. Semakan status aduan/maklum balas boleh dilakukan melalui butang “Log Masuk Pelanggan”.



Nota:

Aduan boleh juga dibuat terus melalui butang “Aduan/Maklum Balas Baharu” (tidak mendaftar akaun SISPAA terlebih dahulu melalui “Daftar Akaun Baharu”) tetapi pengadu perlu membuat semakan melalui butang “Semak Aduan/Maklum Balas” dengan memasukkan ID Tiket (carian e-mel yang telah dihantar semasa aduan didaftarkan).

B) DAFTAR ADUAN/MAKLUM BALAS BAHARU

1. Klik “**Log Masuk Pelanggan**”.
2. Klik “**Maklum Balas**”, seterusnya klik “**Aduan Baharu**”.



3. Nyatakan Maklumat Aduan/ Maklum Balas anda dengan lengkap.

Sila nyatakan aduan/maklum balas anda:

Jenis * :

Tajuk * :

Butiran * :

Agensi * :

Lampiran :

Contoh

Jenis: Aduan

Tajuk: LAMPU TIDAK MENYALA

Butiran:

Lampu di Aras 4, Bangunan ITITC berhampiran dengan lif tidak bernyala. Mohon Tindakan segera agar laluan tersebut tidak gelap. Sekian, terima kasih.

Agensi (Untuk perhatian Bahagian/Seksyen/Program/Unit di APN):

Fasiliti dan Sewaan> Penyelenggaraan

C) SEMAK ADUAN/ MAKLUM BALAS

1. Klik “Log Masuk Pelanggan”

SISPAA AKADEMI PERUNDANGAN NEGARA (APN) 9:37:49 AM Isnin, 14/07/2025

SISPAA
Sistem Pengurusan Aduan Awam
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)
JABATAN PERDANA MENTERI

Laman Utama | FAQ | Peta Laman | Keluar

Senarai Aduan

Carian :

Status : ☐ Dalam Perhatian ☐ Dalam Siasatan ☐ Selesai ☐ Ditolak ☐ Batal

Maklum Balas Akaun saya

Aduan Baharu

Semak Aduan/Maklum Balas

2. Klik “**Maklum Balas**”, seterusnya klik “**Semak Aduan/ Maklum Balas**”
3. Pilih Aduan/ Maklum Balas yang ingin disemak dari senarai yang dipaparkan.